

No. Rujukan : UTeM.100-1/3/2 (6)



SURAT PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 2 TAHUN 2022

PEMANSUHAN PENGGUNAAN FRASA
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Pejabat Pendaftar

8 Disember 2022 | 13 Jamadilawal 1444H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM.100-1/3/2 (6)

8 DISEMBER 2022
13 JAMADILAWAL 1444H

SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2022

PEMANSUHAN PENGGUNAAN FRASA “WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030” DALAM URUSAN PENYEDIAAN SURAT DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Pentadbiran ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai pemansuhan penggunaan frasa “**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**” dalam urusan penyediaan surat rasmi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

2.0 PELAKSANAAN

- 2.1 Kerajaan melalui surat JPM.100-15/3/9(11) bertarikh 12 Julai 2021 telah memutuskan penggunaan frasa “**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**” dalam penyediaan surat rasmi dan ia juga telah dikuat kuasakan penggunaannya di UTeM.
- 2.2 Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi), Jabatan Perkhidmatan Awam, telah mengeluarkan surat edaran bilangan JPA.100-1/4/1(10) bertarikh 2 Disember 2022 bagi memaklumkan pemansuhan penggunaan frasa “**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**” dalam urusan penyediaan surat rasmi kerajaan.
- 2.3 Dalam hubungan ini, YAB Perdana Menteri telah bersetuju agar penggunaan frasa “**WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030**” dikeluarkan bagi format penyediaan surat rasmi kerajaan.

2.4 Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 19/2022 yang bersidang pada 8 Disember 2022 telah meluluskan pemansuhan penggunaan frasa ini di dalam urusan penyediaan surat rasmi Universiti.

3.0 TARIKH KUAT KUASA

3.1 Surat Pekeliling Pentadbiran Bilangan 2 Tahun 2021 – Penggunaan Frasa **“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”** Dalam Urusan Penyediaan Surat Di Universiti Teknikal Malaysia Melaka dibatalkan.

3.2 Surat Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka